

**DI SEBALIK TABIR BILIK BERITA AKHBAR.** Oleh Siti Suriani Othman. 2018. Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur. Halaman 163. ISBN 978-983-46-1474-4.

### **Pemahaman tentang Berita**

Saban masa dan waktu, terdapat pelbagai jenis peristiwa yang berlaku di sekeliling kita. Peristiwa ini boleh berlaku dalam bentuk khabar positif seperti perkahwinan, kelahiran cahaya mata dan sambutan perayaan atau khabar berbentuk negatif seperti kemalangan, kematian dan bencana alam. Uniknyanya juga apabila satu isu yang sama boleh diulas dari sisi positif dan negatif. Misalnya pandemik Covid-19 mengakibatkan masalah ekonomi apabila ada syarikat yang gulung tikar dan mengakibatkan pertambahan bilangan dalam statistik pengangguran negara. Sebaliknya Covid-19 juga melonjakkan peluang pekerjaan dalam sektor kesihatan dan khidmat penghantaran barangan. Berita juga boleh terdiri daripada berita yang telah, sedang dan bakal berlaku. Sesuatu yang dianggap sebagai berita oleh individu A tidak semestinya dianggap sebagai berita oleh individu B. Kepelbagaian peristiwa dan maklumat di sekeliling kita juga tergolong dalam kategori seperti ekonomi, sosial, politik, hiburan, sukan dan sebagainya. Kepelbagaian ini seterusnya membawa kepada satu persoalan yang utama. Apakah berita? Wajarkah kita masih berpegang pada ungkapan ‘manusia gigit anjing ialah berita, anjing gigit manusia bukan berita’. Ungkapan ini walaupun kedengaran klise bagi sesetengah pihak, tetapi masih dianggap relevan oleh pihak-pihak tertentu.

Usaha untuk mentakrifkan berita ternyata merupakan satu usaha yang sukar terutamanya usaha bagi menghasilkan satu takrif berita yang piawai dan disepakati oleh para sarjana media di seluruh dunia. Pengarang ternyata bertindak bijak apabila tidak menjanjikan bahawa pembaca akan mendapat satu takrif berita menerusi buku yang berlatarkan warna merah, putih dan hitam sebagai kulit buku ini. Seawal halaman prakata, pengarang memaklumkan bahawa buku ini tidak mentakrifkan berita tetapi bertujuan untuk memberikan pandangan tentang berita di Malaysia dari perspektif pengamal media. Seramai lebih 60 orang wartawan dari akhbar aliran perdana dan alternatif ditemu bual bagi memantapkan penemuan penulisan pengarang. Selain itu, buku dengan ketebalan 163 halaman ini berlegar sekitar empat tema utama, iaitu (i) cara teori kriteria pemilihan berita dimanfaatkan untuk memahami proses pemilihan berita dalam akhbar, (ii) memahami berita dari perspektif Malaysia dan jurnalis Barat, (iii) menerangkan peranan pembaca dari perspektif editor khususnya dalam pemilihan berita, dan (iv) menerangkan aplikasi Teori Mediatisasi dalam konteks tempatan. Keempat-empat perkara utama ini disisip dan dibincangkan dengan kemas menerusi lapan bab yang menjadi fokus utama buku terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka ini.

### **Empat Tema dalam Lapan Bab**

Pengarang memulakan Bab 1 dengan ringkasan tentang sejarah kajian media dan bidang kewartawanan dalam konteks Malaysia dan dunia. Memandangkan bidang kajian media mengkaji sejarah, kandungan dan kesan pelbagai jenis media, langkah memulakan bab dengan aspek sejarah adalah amat baik sekali. Langkah bermula dari skop besar, iaitu kajian media dan kemudiannya berfokus kepada berita juga membolehkan pembaca memahami jalan cerita dari perspektif keseluruhan dan kemudiannya bergerak ke arah isu spesifik. Pengarang juga meletakkan batasan seawal mungkin dengan memaklumkan pembaca bahawa data empirikal dan perbincangan buku berkisar sekitar bidang kewartawanan cetak. Pembaca seterusnya dibawa menelusuri isu-isu kewartawanan yang diujahkan dari konteks bidang ekonomi politik, kajian budaya, kajian penerbitan media, pengkajian komunikasi massa, serta pengkajian berita. Berlatarbelakangkan penceritaan dari beberapa penjurong ini, pembaca seterusnya diperkenalkan dengan cara berita mendapat tempat dalam kalangan masyarakat.

Faktor kepentingan untuk menyebarkan maklumat, evolusi berita serta sifat ingin tahu manusia disoroti secara ringkas sebagai pencetus kepada pertambahan permintaan terhadap berita.

Perkara yang menarik minat pengulas tentang penulisan bab pertama ini adalah tentang fakta demi fakta yang disenaraikan. Perbincangan tentang kewartawanan Malaysia pula sesuai dilabelkan sebagai titik tumpuan utama kerana memberikan maklumat secara langsung tentang norma pemilihan berita tempatan. Kewartawanan Asia dikatakan kuat diamalkan di Malaysia dan berpaksikan aspek agama dan budaya. Kewartawanan jenis ini seterusnya dicirikan menerusi penentangan terhadap imperialis Barat, melindungi hak kesamaan, budaya tradisional dan kepercayaan agama, serta kerajaan yang stabil dari segi politik dan ekonomi. Walaupun aplikasi kewartawanan Asia dikritik kerana dipengaruhi oleh politik sekali gus mewujudkan kebarangkalian untuk wartawan melaporkan berita positif sahaja, pendekatan ini masih diterima atas alasan mengekalkan keharmonian. Tambahan pula, kebebasan mutlak adalah tidak bermakna sekiranya ekonomi dan politik negara berada dalam keadaan huru-hara. Tidak dapat dinafikan bahawa fakta dari segi pandangan sarjana dan tinjauan pengarang sememangnya memberikan kekuatan terhadap penulisan ini. Oleh itu, kesimpulan awal yang dibawa oleh bab ini berlegar sekitar faktor-faktor luaran berlandaskan fakta yang membawa ke arah wujudnya berita di sekeliling kita.

Perbincangan tentang sejarah diteruskan dalam Bab 2. Pembacaan bab kedua lebih berfokus pada berita apabila pengarang membawa pembaca mengenali sejarah berita dalam konteks Malaysia dan dunia. Bermula daripada sejarah penghasilan akhbar bercetak yang pertama oleh Johannes Gutenberg, satu demi satu kisah di sebalik penerbitan akhbar dinyatakan. Daripada isu cukai yang dikenakan untuk meningkatkan harga jualan akhbar, kecenderungan akhbar untuk melaporkan berita hiburan, penggunaan akhbar sebagai alat politik, serta pengaruh iklan terhadap akhbar dibincangkan secara ringkas. Usai selesai berlegar sekitar isu penghasilan berita di luar negara, pembaca dibawa kembali ke Malaysia untuk membaca sejarah berita di Malaysia. Penceritaan ini dihasilkan dalam bentuk kronologi apabila penerbitan akhbar dimulakan sejak zaman penjajahan kuasa Barat di Tanah Melayu sehingga setelah negara Malaysia mencapai kemerdekaan. Konsep nilai juga diperkenalkan secara tidak langsung menerusi perbezaan dari segi pemilihan berita. Sebelum kemerdekaan, editor berita dikatakan cenderung memilih isu berkaitan perjuangan tetapi mula beralih kepada pemupukan perpaduan dalam kalangan rakyat Malaysia setelah kemerdekaan dikecapi pada tanggal 31 Ogos 1957.

Hanya pada Bab 3 baru pengulas menemukan perbincangan tentang apa itu berita. Pengulas pada mulanya tertanya-tanya kenapa buku ini disusun sedemikian rupa? Bukankah mana-mana buku lazimnya dimulakan dengan menjawab persoalan apa terlebih dahulu? Jawapannya ditemukan seawal halaman pertama bab ketiga ini. Pengarang tidak memulakan penceritaan dengan persoalan 'apa' kerana tiada pentakrifan yang piawai dan disepakati oleh para sarjana tentang takrif berita. Tinjauan literatur memberikan maklumat bahawa para wartawan sukar untuk mentakrifkan berita secara piawai kerana apa-apa sahaja berpotensi untuk menjadi berita, malah ada wartawan yang sudah sebatu dengan tugas mengumpul berita sehingga tidak pernah memikirkan maksud berita secara lebih terperinci. Pembacaan di bab 1 hingga 2 sudah semestinya berjaya memberikan pendedahan tentang alasan betapa sukarnya untuk mentakrifkan berita. Namun, tiada kesepakatan atau tiada takrif yang piawai bukan bermaksud tiada usaha untuk mentakrifkan berita. Pengarang menyenaraikan beberapa pandangan tentang berita, iaitu berita ialah produk yang bermaklumat, mempunyai fungsi tersendiri, hasil sebaran dan bersekutu dengan institusi berkuasa dalam negara.

Pembacaan dalam Bab 3 diteruskan dengan maklumat tentang jenis berita. Berita dibahagikan kepada dua pembahagian utama, iaitu berita ringan dan berita berat. Berita ringan tidak memberikan impak besar dalam kehidupan individu, kurang dipentingkan elemen masa dalam penerbitannya, serta terdiri daripada berita rencana seperti isu masyarakat dan hiburan. Sebaliknya berita berat mementingkan elemen segera dalam penerbitan dan biasanya dikaitkan dengan peristiwa tragedi seperti pembunuhan dan kemalangan. Penulisan berita pula mengadaptasikan gaya penulisan piramid terbalik dan pendekatan pengumpulan berita dibahagikan kepada tiga. Pertama, wartawan mengumpulkan berita mengikut kawasan geografi. Langkah berfokus ini diambil kerana pembaca cenderung untuk mengambil tahu kejadian yang berlaku di sekitarnya. Kedua, pengumpulan mengikut tempat yang menjadi punca kepada berita utama. Contoh tempat ialah mahkamah, balai polis dan hospital. Ketiga, pengumpulan berita berdasarkan tajuk. Elemen tajuk yang berbeza bagi berita ringan dan berita berat memudahkan penulisan di meja berita. Sebelum menyimpulkan perbincangan bab tiga dengan kesimpulan, pengarang menyenaraikan lima penapis utama yang mempengaruhi berita, iaitu hubungan antara media dengan pihak kerajaan, pengaruh iklan sebagai sumber pendapatan, kebergantungan media terhadap kerajaan untuk mendapatkan berita rasmi, tindak balas khalayak terhadap laporan media dan antiideologi.

Bab 4 pula mempertemukan pembaca dengan teori-teori sarjana yang memerlukan pemahaman serta pembacaan yang lebih mendalam. Teori-teori yang berorientasikan sarjana Barat ini dimanfaatkan oleh pengarang dalam mengenal pasti cara pemilihan sesuatu kejadian, peristiwa atau maklumat yang dikenal pasti sebagai berita. Teori ini termasuklah teori yang klasik serta yang lebih kontemporari, namun masih bertepatan dengan praktis sebenar kewartawanan. Perkara pokok pertama yang dibincangkan adalah tentang nilai berita yang menjadi penyebab sesuatu maklumat atau peristiwa dipilih menjadi berita. Nilai-nilai berita seperti kekerapan, saiz berita, kejelasan perkara yang berlaku, mempunyai makna, jangkaan terhadap peristiwa, ganjil, kesinambungan, komposisi, rujukan negara atau individu elit, hiburan, kejutan, berita baik dan berita buruk. Walaupun begitu, wujud kritikan bahawa nilai berita bersifat subjektif, berubah mengikut masa dan tidak setara antara wartawan dan organisasi berita. Selain membincangkan aspek nilai berita, teori terdahulu juga membincangkan faktor luaran yang mempengaruhi berita seperti jangkaan pembaca, tekanan dalaman seperti struktur organisasi berita dan faktor operasional serta tekanan luaran seperti kerajaan, struktur bahasa berita dan pegawai perhubungan awam. Ringkasnya teori-teori yang berbeza ini masih mempunyai persamaan, iaitu menerangkan proses penghasilan berita dalam organisasi berita.

Bab 5 ialah kesinambungan bagi Bab 4 yang telah membincangkan berita dalam konteks umum. Bab ini lebih rinci apabila memfokuskan perbincangan berita dalam konteks Malaysia. Minda pembaca diuji sejak awal pembacaan bab apabila dihadapkan dengan pernyataan berita boleh jadi apa-apa sahaja. Adakah berita dalam konteks Malaysia terlalu meluas sehinggakan peristiwa yang tidak menarik dan tidak penting juga dilaporkan sebagai berita? Pengarang tidak membiarkan pembaca berteka-teki lama apabila mula membentangkan satu demi satu dapatan temu bual dengan wartawan dari akhbar aliran perdana dan alternatif. Berita dipilih mengikut perspektif wartawan yang berkuasa dalam memilih berita untuk pembacanya. Walau bagaimanapun, wartawan masih tertakluk pada kehendak organisasinya. Prinsip sesuatu akhbar juga mempengaruhi sama ada akhbar bersikap neutral atau berpihak pada kelompok tertentu. Selain itu, aspek-aspek lain yang sama penting dan diulas dalam bab ini ialah kepentingan fakta dan bukti, hierarki dalam organisasi berita, batasan ruang siaran akhbar, kedekatan geografi, kejelasan bahasa dalam penulisan berita, serta format akhbar. Perbincangan panjang lebar dalam bab ini ditutup dengan konklusi ringkas yang padat, iaitu secara umumnya berita di

Malaysia masih sama dengan berita di negara-negara lain. Perkara yang membezakan berita Malaysia dengan berita-berita lain ialah berita Malaysia dihasilkan dengan mempertimbangkan keperluan serta kehendak pembaca berita di Malaysia.

Perkataan pembaca berita diulang beberapa kali sejak bab pertama lagi. Akhirnya Bab 6 membincangkan secara mendalam tentang peranan pembaca dalam pemilihan berita di Malaysia. Pengarang mendakwa bahawa peranan pembaca diketengahkan untuk mengisi jurang dalam kajian media yang tidak memandang berat pada sumbangan dan kepentingan pembaca. Tambahan pula, wujud pandangan yang berbeza-beza antara sarjana tentang impak pembaca ke atas organisasi berita. Akhbar berita perdana misalnya mempunyai kedudukan kewangan yang kukuh dan boleh memfokuskan pada maklumat yang ingin disampaikan kepada pembaca akhbar. Sebaliknya pula yang berlaku bagi akhbar alternatif yang sentiasa mementingkan komitmen pembaca dalam membeli akhbar. Tanggapan bahawa pembaca bersikap pasif dan tidak mampu menolak isi kandungan berita yang ditentukan sejak awal juga semakin dipertikaikan. Perhubungan dua hala jelas wujud apabila pembaca menentukan nilai jualan akhbar setiap hari sekali gus mempengaruhi pihak pengiklan. Selain aspek keuntungan, kelangsungan akhbar juga bergantung pada pembacanya. Oleh itu, usaha wartawan dalam menyampaikan maklumat wajar disertakan dengan pertimbangan tentang sensitiviti pembaca, darjah kepentingan pembaca, evolusi pembaca, serta profil yang boleh dikaitkan dengan demografi pembaca.

Bab 7 sekali lagi membawa pembaca kembali kepada teori apabila membincangkan aspek aplikasi Teori Mediatisasi dalam pemilihan berita di Malaysia. Pengarang mendakwa bahawa Teori Mediatisasi masih belum dibukukan dalam bahasa Melayu pada peringkat tempatan. Secara tidak langsung, penulisan buku ini memainkan peranan dalam menambah khazanah pengetahuan baharu dalam konteks Malaysia. Menerusi bab ini, Teori Mediatisasi dibincangkan dengan kritis dari aspek pentakrifan sehinggalah perinciannya. Istilah yang digunakan tidak terlalu sukar untuk difahami oleh khalayak awam. Penerangan terhadap Teori Mediatisasi menerusi konsep seperti penyesuaian, peluasan, penggantian dan kesepaduan misalnya memudahkan pembaca untuk memahami cara wartawan menyesuaikan pengaruh luaran (pengiklan, politik, pemilikan) serta hakikat sebenar penulisan berita. Seterusnya teori ini diteliti dari aspek aplikasinya dalam berita di Malaysia. Bab ini juga mengangkat isu penulisan berita yang sudah semakin meninggalkan norma penulisan mengikut piramid terbalik, iaitu mendahulukan maklumat penting dan diikuti dengan maklumat-maklumat yang kurang penting. Perubahan ini dikatakan berlaku atas faktor perkembangan teknologi serta globalisasi. Kemunculan pelbagai jenis peranti dan medium membolehkan sesuatu maklumat disalurkan dengan lebih meluas sekali gus melambangkan perkembangan sosial dan budaya manusia itu sendiri.

Bab 8 selaku penutup menyimpul kemas segala persoalan yang diketengahkan dalam prakata buku. Empat persoalan yang dikemukakan diulang semula bagi menyegarkan ingatan pembaca tentang perkara pokok yang diperbincangkan. Pertama, aplikasi teori kriteria pemilihan berita telah dicakupi menerusi contoh-contoh situasi sebenar pemilihan berita yang berlaku dalam bilik berita. Kedua, berita dari kaca mata Barat dan Malaysia dijelaskan dari pelbagai sudut pandang sarjana tempatan dan antarabangsa. Sudut pandang wartawan dari akhbar perdana dan alternatif juga diketengahkan bagi menguatkan perbincangan. Ketiga, peranan pembaca dihuraikan secara panjang lebar dalam Bab 6. Keempat, Teori Mediatisasi juga dibincangkan secara mendalam dalam bab kedua terakhir, iaitu Bab 7. Tidak lengkap sekiranya bab pengakhiran ini tidak disertakan dengan satu kata penamat. Kesimpulan yang diberikan oleh

pengarang dalam bab ini ialah berita berkembang dari semasa ke semasa dan perubahan ini mempengaruhi berita yang dipilih untuk disampaikan kepada pembaca. Di samping itu, terdapat pelbagai faktor-faktor tambahan seperti pengiklanan, pembaca, kerajaan, sejarah dan lain-lain yang seharusnya dipertimbangkan dalam proses penghasilan berita yang kompleks.

### **Nilai Tambah Buku**

Buku bertajuk *Di Sebalik Bilik Berita Akhbar* mempunyai identiti yang tersendiri berbanding buku-buku media lain yang berada dalam pasaran. Buku ini membawa kelainan dalam bidang media tempatan apabila meneliti pemilihan berita dengan menggunakan Teori Nilai Berita serta Teori Mediatisasi. Dalam konteks penulisan ini, Teori Nilai Berita menjurus pada nilai dalaman dalam proses pemilihan berita. Manakala Teori Mediatisasi merangkumi nilai-nilai luaran dari bilik berita yang membantu proses penghasilan berita. Gabungan dua perspektif dari dua teori jelas memberikan sudut pandang yang menyeluruh tentang setiap isu yang ditelusuri dalam penulisan lapan bab buku ini. Penulisan pengarang tidak terhenti pada peringkat teori semata-mata apabila pengarang memanfaatkan pandangan pengamal media serta memperkenalkan istilah Teori Mediatisasi dalam bahasa Melayu bagi mengisi kekosongan dalam industri perbukuan berbahasa Melayu di Malaysia. Kelebihan buku ini juga apabila pengarang bijak menyusun bab serta menutup setiap bab dengan kemas sebelum mengakhirinya dengan bab kesimpulan. Wibawa pengarang juga dapat dilihat dari segi pengarang menjawat jawatan selaku pensyarah kanan di program Komunikasi, Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, Universiti Sains Islam Malaysia. Selain berpengalaman menjadi penulis tamu bagi Majlis Profesor Negara, serta kolumnis Berita Harian, pengarang juga merupakan antara pensyarah muda yang diiktiraf dengan lebih 20 anugerah pada peringkat universiti serta akhbar luar negara.

### **Kesimpulan**

Buku dengan harga mampu milik ini wajar didapatkan oleh pelbagai pihak yang meinginkan maklumat lanjut tentang berita dan proses penghasilan berita. Walaupun pengarang ialah ahli akademik, bahasa yang digunakan dalam buku ini santai dan tidak terlalu padat dengan jargon bidang akademik sehingga mengelirukan pembacanya. Pembacaan buku ini juga ada jalan ceritanya. Maka pembacaan secara terpilih seperti membaca bab secara berasingan atau memilih untuk memulakan bacaan dengan bab-bab tertentu adalah kurang digalakkan. Pada bab-bab akhir buku ini, pengarang sudah mula menumpukan pada Malaysia kerana peranan buku ini adalah untuk memberikan sumbangan kepada khalayak di Malaysia. Kriteria nilai berita yang disenaraikan juga boleh dimanfaatkan oleh wartawan dan pengkaji bidang kewartawanan. Tambahan pula, nilai berita yang berubah wajar difahami untuk merapatkan jurang antara berita yang disiarkan di berita dengan kehendak pembaca. Akhirnya, pengarang jelas menyatakan hasratnya agar buku ini membantu ke arah pemahaman tentang cara penghasilan berita yang lebih baik dalam kalangan pembaca, pelajar, ahli akademik ataupun ahli masyarakat yang berminat untuk mendalami tentang operasi berita.

**Anis Shahirah Abdul Sukur (PhD),**  
Pengajian Terjemahan Dan Interpretasi,  
Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan,  
Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang.